

Harga minyak RON97 turun lima sen

PUTRAJAYA - Harga runcit bagi minyak petrol RON97 turun sebanyak lima sen seliter daripada RM2.54 seliter kepada RM2.49 seliter bagi tempoh 10 Ogos sehingga 16 Ogos 2019.

Menurut Kementerian Kewangan, harga runcit bagi petrol RON95 kekal pada paras RM2.08 seliter dan harga runcit diesel kekal RM2.18 seliter.

"Berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM), harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi

tempoh yang sama sepatutnya sebanyak RM2.19 seliter dan RM2.28 seliter masing-masing.

"Ini menunjukkan penurunan daripada minggu lepas di mana harga runcit produk petrol RON95 berada pada paras RM2.24 seliter dan diesel pada RM2.33 seliter.

"Harga runcit bagi kedua-dua produk dikekalkan pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter selaras dengan keputusan kerajaan untuk menstabilkan harga minyak," katanya menerusi satu kenyataan di sini semalam.

